

# Percaturan makan diri

## Janji manis pembangkang pada penghuju pengempen akhirnya ditolak

Oleh Syah Rul Aswari Abdullah  
srul@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**B**arisan Nasional (BN) yang menguasai 133 kerusi Parlimen seterusnya membentuk kerajaan majoriti mudah pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) kelmarin membuktikan rakyat tidak terpedaya dengan janji manis pakatan pembangkang.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, perkembangan itu menunjukkan rakyat lebih bijak menilai manifesto pakatan pembangkang terdiri PKR, DAP dan PAS.

Beliau berkata, pakatan pembangkang juga tersilap percaturan apabila mengumumkan pelbagai janji untuk penjawat awam termasuk tawaran gaji tambahan pada penghuju pengempen sehingga akhirnya menjerat diri sendiri.

“Pembangkang ini saya

umpamakan seperti orang yang sibuk bercerita mengenai keindahan muka bumi New Zealand tetapi sebenarnya tukang cerita itu tidak pernah pun sampai ke negara berkenaan.

“Mereka boleh memberikan macam-macam janji tetapi tidak mempunyai sedikit pun pengalaman menadbir negara untuk memastikan janji itu mampu ditunaikan.

“Rakyat pula memberikan pelbagai reaksi dengan manifesto pembangkang. Ada yang lantang menyokong, menentang dan ada yang senyap tanpa reaksi.

“Dari luaran, mungkin mereka tertarik dan memberi sokongan tetapi mereka sebenarnya menilai semua aspek sebelum menolak parti itu,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Mohammad Shatar berkata, hasrat pakatan pembangkang untuk membolot sokongan orang muda yang dikatakan menjadi penentu kemenangan pada PRU-13

## ‘Anwar tak matang berpolitik’

**Kuala Lumpur:** Sikap Datuk Seri Anwar Ibrahim yang enggan menerima kekalahan pakatan pembangkang pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) dengan alasan ia tidak diadakan secara telus menunjukkan kelemahan beliau yang tidak matang dalam berpolitik.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, Ketua Umum PKR itu sepatutnya berlapang dada dan menerima ke-

putusan yang diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

“Jika Anwar berfikir matang, beliau tidak perlu mengemukakan pelbagai tuduhan terhadap SPR, sebaliknya menerima keputusan dibuat oleh rakyat,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Kelmarin, Anwar pada sidang media selepas keputusan rasmi PRU-13 diumumkan yang memihak kepada Barisan nasional (BN) enggan menerima kekalahan pakatan pembangkang dengan alasan ti-

dak diadakan secara telus.

Menurutnya, antara faktor kekalahan pakatan pembangkang adalah masalah pengundi hantu serta keengganan SPR memberi kebenaran kepada jentera pembangkang untuk memantau peti undi.

Katanya, terdapat dakwaan pengundi hantu terdiri warga asing yang diberikan MyKad menyebabkan ada kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen yang didakwa boleh dimenangi pakatan itu tetapi tidak menjadi kenyataan.

ternyata juga tidak mencapai sasaran.

Beliau berkata, golongan itu termasuk pengundi kali pertama sebenarnya lebih bersikap terbuka kerana terdedah pelbagai saluran maklumat memandangkan kebanyakan memiliki gajet terkini.

“Pembangkang gigih menabur pelbagai gula-gula pilihan raya kepada

generasi muda termasuk janji untuk menghapuskan PTPTN dan menurunkan harga minyak dan kereta.

“Bagaimanapun, ternyata pengundi golongan ini yang berjumlah 3.2 juta tidak senang terpengaruh dengan janji manis ditawarkan,” katanya.

Mengulas berhubung keputusan PRU-13, kegagalan pembangkang dise-

babkan rakyat melihat kerjasama antara PAS, DAP dan PKR adalah pakatan yang bermotifkan hanya untuk menumbangkan kerajaan BN semata-mata.

Beliau berkata, sebagai contoh, PAS yang pada awal penubuhannya melaungkan slogan “Membangun Bersama Islam” kini dilihat lebih kepada matlamat “bersatu menuju Putrajaya” dengan sekutu politiknya.

“Sikap pemimpin seolah-olah cakap tidak serupa bikin,” katanya.

**FAKTA**  
Usaha bolot sokongan orang muda tak capai sasaran